

RASUAH DIHINA, INTEGRITI DIBINA.



KEMEROSOTAN INTEGRITI

Pembudayaan etika dan integriti individu adalah proses yang berterusan dan melibatkan peranan pelbagai institusi masyarakat seperti keluarga, pendidikan dan media massa. Pembudayaan etika dan integriti dalam organisasi pula merupakan proses 'top-down' iaitu kepimpinan atasan bertindak sebagai *role model* manakala seluruh warga kerja di semua peringkat akan menzahirkan kod itu dalam tindakan mereka masing-masing.

Organisasi perlu mempunyai matlamat yang jelas dan realistik yang dikongsi bersama seluruh warga kerja dalam organisasi. Organisasi juga perlu mempunyai sistem dan prosedur yang baik bagi memastikan

penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan di samping mempunyai sistem kawalan kualiti, pemantauan, ganjaran dan penghukuman yang seimbang.

Penerapan nilai-nilai murni terutamanya integriti dalam kalangan warga kerja tidak akan berkesan sekiranya mereka dipaksa. Integriti perlu dijiwai dan lahir daripada hati sanubari setiap individu itu sendiri. Kepimpinan sesebuah organisasi yang berintegriti tinggi akan mempermudah penerapan nilai tersebut dalam kalangan warga kerja kerana tingkah laku pemimpin berintegriti akan menjadi penanda aras dan ikutan seluruh warga kerja dalam organisasi.

LAPORKAN RASUAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA

LANGKAH 1

Memberikan maklumat yang menjurus & tidak terlalu umum. Gunakan kaedah **5W1H** supaya maklumat lebih mudah faham.

LANGKAH-LANGKAH MEMBERI MAKLUMAT YANG BERKUALITI

LANGKAH 2

Nyatakan nama & maklumat perhubungan dengan lengkap bagi memudahkan tindakan selanjutnya oleh pihak yang menjalankan siasatan.

LANGKAH 3

Lengkapkan maklumat & susuli dengan tindakan proaktif sehingga laporan diterima (aduan) & diberikan perhatian.

Sumber: sprm.gov.my

